



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

KENYATAAN MEDIA

MITI MENGALU-ALUKAN BAJET 2023 YANG MEMACU PELABURAN DAN PERDAGANGAN MAMPAH, SERTA INDUSTRI YANG BERDAYA SAING BAGI MENGUKUHKAN DAYA SAING EKONOMI MALAYSIA DI PERINGKAT GLOBAL

MITI menyambut baik peruntukan sejumlah RM1.585 bilion bagi MITI dan agensi-agensinya yang telah diumumkan melalui Bajet 2023 oleh Kerajaan Persekutuan. Ini meliputi peruntukan mengurus sebanyak RM625 juta dan peruntukan pembangunan bernilai RM960 juta. Peruntukan ini secara jelas membuktikan Kerajaan MADANI komited dalam merencanakan pembangunan negara secara inklusif dan holistik seterusnya mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelaburan dan perdagangan serta sebagai pintu masuk (gateway) ke rantau Asia.

Walaupun negara dan dunia berhadapan dengan pelbagai cabaran termasuk kesan pandemik COVID, ketidaktentuan geopolitik, gangguan rantaian bekalan global, dan kadar inflasi yang mencengkam, namun pada tahun 2022 Malaysia mencatatkan prestasi yang kekal memberangsangkan melalui nilai pelaburan yang diluluskan dan eksport yang terus mengukuh dengan nilai RM1.55 trilion, melepassi sasaran RM 1.25 trlion menjelang tahun 2025 yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12)

Tumpuan kepada tiga bidang utama MITI iaitu pembangunan industri, perdagangan antarabangsa dan pelaburan tempatan dan asing kekal utuh untuk mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi, menambahbaik daya tahan rantaian bekalan dan memperkasa pembangunan modal insan Malaysia.



Peruntukan Bajet 2023 kepada MITI dan 13 agensi di bawahnya bakal meningkatkan lagi usaha bagi mencapai objektif-objektif tersebut.

Antara langkah-langkah utama Bajet 2023 bagi MITI mencapai objektifnya adalah:

1. Memudahcara pelaburan terutamanya di dalam sektor berteknologi dan berimpak tinggi, selaras dengan Dasar Pelaburan Negara, terutama sekali dari segi peruntukan insentif kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi memudah cara pelaksanaan pelaburan yang telah diluluskan. Ini termasuk usaha untuk memperkasakan persekitaran pelaburan di Malaysia melalui Invest Malaysia Council dan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI). Malaysia Productivity Corporation (MPC) juga akan terus memperluaskan skop PEMUDAH di peringkat negeri.
2. Pengutamaan sektor-sektor berpotensi besar seperti Elektrikal & Elektronik (E&E) dan aeroangkasa, dari segi insentif cukai pemindahan operasi ke Malaysia, dan insentif cukai pendapatan modal insan C-Suite bakal meningkatkan pelaburan oleh syarikat-syarikat multinasional bagi memperkasakan kedudukan Malaysia sebagai destinasi penting dalam rantai bekalan global industri tersebut. Ini juga adalah seiring dengan sasaran Pelan Pelaburan Nasional baharu (New Investment Plan) berdasarkan Aspirasi Pelaburan Nasional (National Investment Aspiration).
3. MITI melalui Halal Development Corporation akan bekerjasama dengan Kementerian dan agensi berkaitan bagi memastikan pelaksanaan Wakaf MADANI dengan aset-aset bernilai RM1 bilion bagi menepati keperluan kumpulan sasar.

4. Perbincangan juga akan diadakan dengan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk memudahcara penyaluran dana pinjaman kepada syarikat pemula teknologi lestari bagi membantu syarikat PKS dalam sektor pembuatan beralih kepada proses rendah karbon.
5. Dalam mempertingkatkan tahap pendigitalan dan automasi sektor pembuatan khususnya PMKS, MITI juga mengalu-alukan dana pembiayaan di bawah BNM yang boleh disalurkan kepada syarikat-syarikat yang layak.
6. Memperkasakan industri dari segi pembangunan tenaga kerja mahir (skilled labour), termasuk inisiatif Academy in Factory (AiF) yang bakal menyediakan peluang kepada lebih 50,000 pelatih menjalankan latihan sambil bekerja di kilang. Ini mencerminkan pendekatan holistik Kerajaan terhadap latihan TVET melalui kerjasama awam-swasta bagi memenuhi keperluan tenaga mahir industri terutamanya dalam sektor pembuatan.
7. MITI juga sedang memperbaharui dan mengemaskini Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (New Industrial Master Plan 2023 atau NIMP 2023) yang akan mengupas isu-isu utama, seperti reformasi struktur, meningkatkan kepelbagaiian (complexity) ekonomi negara, mewujudkan ekosistem yang sesuai untuk industri sasaran, serta membina kapasiti PKS untuk menerapkan prinsip ESG bagi memenuhi permintaan pasaran global. Seperti yang diumumkan di dalam ucapan Bajet 2023, NIMP 2023 yang diperbaharui ini dijangka siap pada Suku Ketiga 2023.

Bajet yang disalurkan ini sekaligus menyokong dasar-dasar utama dibangun oleh MITI seperti Dasar Pelaburan Baharu berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional, Dasar Automotif Nasional 2020, Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 (Industry4WRD), Dasar Automotif Nasional 2020 (NAP 2020) dan Rangka Tindakan Perdagangan Nasional 2021-2025. Kesemua dasar-dasar ini bertujuan, antara lainnya, untuk membina ekosistem pelaburan yang menawarkan pemangkin (enablers) kepada pelabur asing dan tempatan; mengarusperdanakan prinsip-prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi membuka peluang pasaran lebih luas kepada industri negara terutamanya PKS; dan menarik industri-industri strategik, berteraskan teknologi IR4.0 dan berimpak tinggi bagi menyediakan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada rakyat tempatan.

MITI dan agensi-agensinya akan terus cakna dan komited untuk mengukuhkan daya saing ekonomi negara melalui kerjasama erat dengan sektor swasta berasaskan konsep persekitaran yang pro-perniagaan sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI.

**YB SENATOR TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
24 FEBRUARI 2023**

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel : +603-6200 0082

Faks : +603-6206 4293

E-mel : alluks@miti.gov.my

